

LAPORAN AUDIT PERSIJILAN SEMULA MS ISO 9001:2008

Unit Komunikasi Korporat

Telah Dihantar: 27 September 2010 13:01

Kepada: UUM - All Staff; UUM All Student

27 SEPTEMBER 2010 / 18 SYAWAL 1431H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

UUM ONLINE: HASIL daripada audit **SIRIM Quality Assurance System (QAS)** ke atas **Sistem Pengurusan Kualiti di UUM** yang dilaksanakan pada 20 hingga 23 September 2010 yang lalu, UUM mendapat satu Non-Conformance (NCR) dan lapan Opportunities for Improvement (OFI).

NCR didapati dalam proses pengajaran dan pembelajaran melibatkan proses pengurusan penilaian peperiksaan akhir dan proses penyediaan pengajaran.

Mana kala OFI pula pada proses kawalan dokumen, kekompetenan, latihan dan kesedaran, pengedaran produk, kepuasan pelanggan, prasarana, kawalan pengeluaran dan penyediaan perkhidmatan (pelaksanaan pemantauan dan pengukuran) dan harta pelanggan.

Secara umumnya, UUM berjaya mengekalkan persijilan MS ISO 9001:2008 untuk tempoh tiga tahun dengan skop pendaftaran yang sedia ada iaitu reka bentuk dan pembangunan program Ijazah Sarjana Muda, peruntukan perkhidmatan pendidikan untuk pelajar sarjana muda dan peruntukan penyelidikan, perundingan, penerbitan, perkhidmatan perpustakaan dan lain-lain perkhidmatan sokongan selepas laporan tindakan pembetulan diberikan kepada pihak SIRIM QAS dalam masa tiga bulan.

Sebarang maklumat lanjut sila berhubung dengan Cik Suraya Deraman, Pusat Pengurusan Kualiti di talian 04-928 5602.

=====

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3013/3661/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my